

Malaysia - Vietnam tingkatkan kerjasama

PUTRAJAYA 21 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia akan meningkatkan kerjasama dua hala dalam bidang minyak dan gas dengan Vietnam berikutan peluang-peluang yang masih luas terdapat di negara itu.

Perdana Menteri berkata, rakan sejawatnya dari Vietnam, Pahn Van Khai turut bersetuju bahawa kerjasama dua hala dalam minyak dari gas perlu diperluaskan lagi memandangkan kehadiran Petrolim Nasional Bhd. (Petronas) di negara itu amat diterima baik oleh kerajaannya.


"Kita telah membincangkan dari segi betapa perlunya bidang minyak dan gas diperluaskan, ia boleh dianggap sebagai kerjasama dua hala Malaysia-Vietnam yang terbaik.

"Saya yakin Petronas akan ada peluang tambahan untuk memperluaskan kepentingannya di Vietnam. Walaupun beliau (Van Khai) tidak menyatakan apa peluang itu, tetapi saya tahu peluang untuk Petronas di Vietnam adalah baik," kata Abdullah.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis sambutan Perdana Menteri Vietnam dan delegasinya di Jabatan Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Petronas mempunyai kepentingan di Vietnam sejak tahun 1991 apabila ia diberikan tanggungjawab menjalankan operasi cari gali dan pengeluaran secara usaha sama dengan PetroVietnam EP di Blok 1 dan Blok 2 pesisir pantai negara itu.

Sehingga kini, syarikat petroleum negara turut mempunyai kepentingan dalam cari gali dan pengeluaran secara usaha sama di empat kawasan lain di Vietnam iaitu di Blok 10 dan 11.1 bersama PER-



ABDULLAH Ahmad Badawi bersaiaman dengan Phan Van Khai yang dalam rangka lawatan tiga hari ke Malaysia pada upacara sambutan rasmi di Dataran Perdana di Putrajaya semalam. — Gambar Bernama

TAMINA serta Blok 46-Cai Nuoc, Blok 46/02 dan Blok 01/97 bersama anak-anak syarikat PetroVietnam.

Petronas turut memiliki kepentingan dalam dua loji aliran lain iaitu sebuah loji gas petroleum cair dan loji polivinil klorida yang diusahakan secara bersama dengan anak-anak syarikat Petro Vietnam Gas Corporation.

Petronas dan anak-anak syarikatnya yang beroperasi di 30 buah negara di seluruh dunia diiktiraf sebagai syarikat terbesar di negara ini dengan catatan perolehan hampir RM150 bilion setahun.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003, syarikat induk itu sahaja mencatatkan keuntungan selepas cukai berjumlah RM15.105 bilion bersan-

dakan perolehan sebanyak RM81.434 bilion.

Van Khai yang diiringi oleh empat orang menterinya mengetuai delegasi Vietnam yang terdiri daripada 48 orang bagi mengadakan lawatan rasmi ke Malaysia selama tiga hari mulai hari ini.

Selain itu, rombongan Van Khai turut disertai oleh 43 ahli perniagaan Vietnam yang akan mengadakan beberapa pertemuan dengan ahli perniagaan negara ini untuk meningkatkan kerjasama perniagaan dua hala.

Pertemuan

Selepas mengadakan pertemuan empat mata, Abdullah dan Van Khai turut menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman dia-

dakan di tempat yang sama.

Tiga memorandum iaitu Deklarasi Bersama Mengenai Kerjasama Bersepadu Dalam Abad Ke-21, Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama Dalam Bidang Pendidikan dan Memorandum Persefahaman Mengenai Kerjasama dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah ditandatangani.

Menurut Perdana Menteri, kesemua memorandum itu adalah berkaitan pendidikan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi.

"Mengenai pendidikan kita boleh bertukar banyak pengalaman mengenai pembangunan pendidikan di negara masing-masing dan membuka pintu institusi kita untuk menerima

pihak pengajar, profesor, penyelidik dan lain-lain.

"Satu lagi ialah teknologi maklumat dan komunikasi, satu bidang baru dan mereka pun tahu perkembangan kita dalam bidang ini, sebab itulah kita bersedia untuk bekerjasama dengan mereka dan berkongsi pengalaman," katanya.

Menurut Perdana Menteri, satu misi perdagangan dan pelaburan Malaysia juga akan mengadakan lawatan ke Vietnam pada bulan Jun ini bagi meningkatkan kerjasama komersial antara kedua-dua negara.

"Harapan saya ialah misi ini dapat menerokai peluang yang ada untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan Malaysia di Vietnam dan juga mendapat kesanggupan pelabur dan pengedar Vietnam untuk meluaskan kepentingan mereka di negara kita," ujarnya.

Bersetuju

Selain itu, katanya, pihak Vietnam juga telah bersetuju membenarkan syarikat Penerbangan Malaysia Bhd. (MAS) mengadakan perkhidmatan tambahan ke negara itu.

"Kita telah mengadakan beberapa perbincangan untuk memeterai perjanjian baru berkaitan perkhidmatan udara yang nanti akan memberi peluang kepada MAS untuk menambah lagi kekerapan pendaratan.

Abdullah menyifatkan perbincangannya dengan Perdana Menteri Vietnam itu berhasil kerana telah menekankan beberapa bidang kerjasama yang masih dan wajar dijayakan.

• "Tiga perjanjian tadi telah ditandatangani dan ini sebenarnya merupakan langkah ke hadapan untuk memperluaskan lagi kerjasama hubungan dua hala antara Malaysia dan Vietnam, sebab itu saya kata pertemuan tadi berhasil, ujar beliau.